

# Orang ramai diseru bantu usaha kerajaan banteras dadah

**MENTAKAB, Ahad** — Usaha kerajaan membanteras masalah dadah tidak akan berkesan sekiranya orang ramai tidak bersama memikul tugas itu, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Neo Yee Pan.

Katanya, setiap lapisan rakyat, orang perseorangan dan persatuan serta pertubuhan sukarela juga mempunyai tanggungjawab yang sama ke arah itu.

Berucap ketika merasmikan pameran dadah di padang besar di sini malam tadi, Datuk Neo berkata, "Segala usaha kerajaan hendaklah diselaraskan dengan usaha-usaha masyarakat umum supaya setiap tindakan membendung masalah itu berjaya dan berkesan."

Menurutnya, setiap lapisan rakyat perlu meningkat dan meluaskan pengetahuan mereka

mengenai bahaya wabak dadah, tanda-tanda nyata penagihan dan cara-cara mengawal serta memulihkannya.

"Hanya dengan mempunyai pengetahuan yang lengkap mengenai wabak itu dapat kita menasihat dan membimbing mereka yang menjadi mangsa wabak itu," katanya.

Katanya, bella adalah golongan yang menjadi sasaran bagi penagih dadah.

## Merapatkan

Bellau menyeru supaya masyarakat umum dan kerajaan bekerjasama dengan merapatkan perhubungan ke arah usaha itu.

Bellau yakin jika usaha itu dapat dipereratkan, usaha mencegah

dan mengawal masalah itu dapat jalankan secara berkesan.

Menurutnya, bilangan penduduk negara ini yang terbabit dengan wabak dadah meningkat dan sebahagian besarnya, iaitu 35 peratus dari 70,000 yang didaftarkan sebagai penagih, adalah kalangan muda mudi berusia dalam lingkungan 20 dan 34 tahun.

Katanya, sejak kempen antidadah dilancarkan Februari lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa kejayaan dicapai termasuk merampas dadah terbesar jumlahnya Mei lalu yang bernilai hampir \$2 juta.

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap gejala ini, Datuk Neo berkata, kesan-



■ DATUK DR NEO

kesan buruk mengenai telah didedahkan melalui pameran-pameran antidadah di seluruh negara dan juga sebaran am termasuk radio, televisyen, surat-surat khabar tempatan dan badan-badan tertentu.